



## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

### (KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

#### **SEMINAR KEBANGSAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2016**

Putrajaya, 8 Disember – Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menganjurkan Seminar Kebangsaan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2016 yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Sri Adenan bin Ab. Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

Beliau berkata, seminar seperti ini merupakan satu langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap kesedaran majikan dan para pekerja dalam memastikan tempat kerja selamat dan bebas dari sebarang risiko yang boleh membahayakan bukan sahaja pekerja malahan juga orang awam.

Tambah beliau, konsep pengaturan kendiri atau '*self regulation*' yang menjadi asas kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 perlulah didukung oleh semua majikan dan pekerja. Pelbagai inisiatif dan sikap lebih proaktif perlu diambil dalam menangani aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan kadar kemalangan negara bagi tahun 2015 adalah 2.81 per 1,000 pekerja. Manakala pada tahun 2014 adalah sebanyak 3.10 per 1,000 pekerja. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 9.35 peratus. Tahun 2015 sahaja, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan sebanyak lebih kurang 258,800 pemeriksaan ke atas tempat kerja dan jentera. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 22,190 notis telah dikeluarkan, 913 kesalahan dikeluarkan kompaun dan sebanyak 353 kes didakwa atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Dalam ucapan itu juga beliau menggesa agar semua pihak berusaha untuk mempertingkatkan lagi tahap kecemerlangan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam usaha untuk mewujudkan Malaysia sebagai tempat kerja yang selamat dan sihat kepada semua lapisan masyarakat.

Dalam majlis yang sama, beliau turut menyaksikan Majlis Menandatangan "Common Understanding" berkaitan "*Pengerang Integrated Complex OSH Administrative Transformation (PICOAT)*" di antara pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang diwakili oleh Ir. Hj. Omar bin Mat Piah, Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan Pekerjaan), JKKP dan *PETRONAS Refinery Petroleum Corp (PRPC)* diwakili oleh Dr. Ir. Colin Wong Hee Huing CEO, *PETRONAS Refinery Petrochemical Corp (PRPC)*.

Tamat.

Tarikh siaran : 8 Disember 2016

Dikeluarkan oleh: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

*Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Kementerian Sumber Manusia*

*Aras 1,3,4 dan 5, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya  
Tel : 03 8000 8000 / 5264 Fax : 03 8889 2354*